



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2021

---

Pada 19 April 2021, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan secara sidang video di Putrajaya. Mesyuarat telah dihadiri oleh YB Menteri-menteri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang terlibat.

Majlis Sosial Negara (MSN) ditubuhkan sebagai jentera pelaksana Dasar Sosial Negara yang merupakan dasar payung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara. Pelaksanaan majlis ini akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan, NGO dan masyarakat secara keseluruhannya.

**Mesyuarat MSN pada kali ini telah membangkitkan keperluan penglibatan semua Kementerian dan agensi bagi menangani isu kesihatan mental dalam masyarakat pada masa kini. Lanjutan daripada itu, Mesyuarat turut bersetuju dengan langkah intervensi sosial terhadap isu kesihatan mental, termasuk memperkasakan perkhidmatan kaunseling dengan memperkenalkan Dasar Kaunseling Negara.**

**Turut diberi perhatian oleh Mesyuarat ialah tahap kesediaan negara dan strategi negara dalam menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030 kelak. Dalam hal ini, mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan intervensi yang meliputi aspek penjagaan warga emas, kewangan dan perlindungan sosial, pendidikan dan pekerjaan serta persekitaran warga emas melalui penggubalan Pelan Tindakan Warga Emas.**

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan tentang aktiviti kesukarelawanan yang banyak membantu rakyat terutamanya ketika negara dilanda pandemik COVID-19. Oleh itu, mesyuarat bersetuju bahawa terdapat keperluan untuk memperkasakan kesukarelawan melalui kerjasama pintar serta memperkenalkan Skim Bank Masa (*Time Bank*) bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan aktif sukarelawan.

Sebanyak **1 Kertas Makluman** dan **4 Kertas Pertimbangan** telah dibincangkan dalam mesyuarat ini, iaitu:

- (i) Terma Rujukan Majlis Sosial Negara (MSN) dan Semakan Semula Dasar Sosial Negara (DSN);
- (ii) Halatuju dan Pelan Tindakan Kelestarian Sosial Ke Arah Negara Tua Menjelang 2030 sebagai persediaan negara menghadapi status negara tua kelak;
- (iii) Peranan Agensi Secara Bersepadu dalam Menangani Masalah Kesihatan mental Masyarakat Malaysia bagi menangani peningkatan isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat;
- (iv) Pemeraksanaan Perkhidmatan Kaunseling untuk Menangani Isu Kesihatan Mental Masyarakat Malaysia sebagai salah satu sistem sokongan dalam menangani masalah kesihatan mental; dan
- (v) Pemeraksanaan Kesukarelawanan di Malaysia bagi memperkukuhkan aktiviti kesukarelawan menerusi penyelarasan antara agensi-agensi terlibat.

YAB Perdana Menteri berharap Majlis Sosial Negara ini akan menjadi satu platform yang aktif dan berkesan untuk agensi Kerajaan, ahli akademik dan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) membentangkan cadangan-cadangan yang bernas dalam menangani masalah sosial ke arah pembangunan sosial negara yang lebih sejahtera. Kerjasama bersepadu ini amat diperlukan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

###

Disediakan oleh:

Urus Setia Majlis Sosial Negara  
Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat  
20 April 2021